

Suatu Tempat Bernama

Kaabah

Bahan cetakan ini mengandungi
ayat al-Quran jangan pijak/langkah

Suatu Tempat Bernama

Kaabah

ABDUL AZIZ HUSSIN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Pertama 1998
Cetakan Kedua 2014
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur. Rundingan tertakluk kepada royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
2014

Grafik kulit & dicetak oleh:
PERCETAKAN BUMI RESTU SDN. BHD.
No 17-1 Jalan Cecawi 6/33
Seksyen 6, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-6142 6786 Faks : 03-6142 4586
Email : bumires2kl@gmail.com

Kandungan

PRAKATA

ix

| | |
|---|-----------|
| bab 1 SUATU TEMPAT BERNAMA KAABAH | 1 |
| Pengenalan | 1 |
| Bukti Pentingnya Kaabah | 2 |
| Sebab Dipanggil Kaabah | 7 |
| Kaabah Sebagai Tempat Permulaan Perkembangan | |
| Kota Makkah | 11 |
| bab 2 KAABAH | 17 |
| Pengenalan | 17 |
| Ukuran Kaabah | 18 |
| Asal Kaabah | 19 |
| Pembinaan Dan Pembaiakan Kaabah | 20 |
| • Pembinaan Oleh Malaikat | 21 |
| • Pembinaan Oleh Nabi Adam AS | 22 |
| • Pembinaan Oleh Nabi Nuh AS | 23 |
| • Pembinaan Oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS | 24 |
| • Pembinaan Oleh Suku Kaum Amalik | 28 |
| • Pembinaan Oleh Suku Kaum Jurhum | 28 |
| • Pembinaan Oleh Qusai Ibn Qilab | 29 |
| • Pembinaan Oleh Kaum (Bani) Quraisy | 30 |
| • Pembinaan Kaabah Oleh Abdullah Ibn Zubair | 32 |
| • Pembinaan Kaabah Oleh Al-Hajjaj | 34 |
| • Pembinaan Kaabah Oleh Sultan Murad | 36 |
| • Lain-lain Pembaiakan Kaabah | 37 |
| Bahagian Dalam Kaabah | 37 |
| Pintu Kaabah | 41 |
| Syatharwan | 46 |



| | |
|---|---------------|
| Multazam | 47 |
| Hijir Ismail | 47 |
| Lubang Di Hadapan Kaabah | 49 |
| Pancuran Emas | 49 |
| Kiswah | 52 |
| Pembersihan, Pencucian Dan Menghiasi Kaabah | 58 |
| Percubaan-Percubaan Mengkhianati Kaabah | |
| Dan Kesuciannya | 60 |
| Hilangnya Kaabah | 63 |
| bab 3 HAJARAL ASWAD | 65 |
| Pengenalan | 65 |
| Kedudukan Dan Ukuran Hajaral Aswad | 65 |
| Sebab Dinamakan "Hajaral Aswad" | 66 |
| Asal Usul Kewujudan Hajaral Aswad | 68 |
| Kejadian-Kejadian Mendukacitakan Yang | |
| Terjadi Terhadap Hajaral Aswad | 70 |
| Kedudukan Hajaral Aswad Dalam Hukum Islam | 71 |
| bab 4 AIR ZAMZAM | 73 |
| Pengenalan | 73 |
| Sejarah Penemuan Air Zamzam | 73 |
| Air Zamzam Dalam Kisah Israk Dan Mikraj | 75 |
| Pembaikan Perigi Zamzam | 76 |
| Penggunaan Air Zamzam | 77 |
| bab 5 MAQAM IBRAHIM | 79 |
| Pengenalan | 79 |
| Maqam Ibrahim Sebagai Bukti Kekuasaan Allah SWT | 79 |
| Kisah Terjadinya Maqam Ibrahim | 81 |
| Pembinaan Semula, Pembaikan Dan Penjagaannya | 83 |
| Maqam Ibrahim Sebagai Sebahagian Tempat Solat | |
| Dan Tawaf | 85 |

| | |
|------------------------------------|------------|
| bab 6 MASJIDIL HARAM | 87 |
| Pengenalan | 87 |
| Permulaan Masjidil Haram | 89 |
| Pembinaan, Pebaikan Dan Pembesaran | |
| Masjidil Haram | 89 |
| Mimbar | 99 |
| BIBLIOGRAFI | 103 |



Suatu Tempat Bernama

Kaabah

PRAKATA

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat menyiapkan buku ini bagi menambah ilmu kita semua.

Sesungguhnya Kaabah adalah salah satu simbol penting tentang kewujudan dan kebesaran Allah SWT. Malah dua daripada lima Rukun Islam, iaitu sembahyang dan ibadat haji berhubung rapat dengan Kaabah. Daripada perspektif itulah, maka amat penting untuk kita semua, terutama umat Islam, mengetahui tentang Kaabah.

Buku ini membincangkan dengan mendalam daripada segi sejarah pembinaan, asal-usulnya dan juga tentang fizikal Kaabah, *Hajar al Aswad*, Zamzam, Maqam Ibrahim dan Masjidil Haram.

Semoga isi kandungan buku ini dapat diterima dengan baik oleh para pembaca.

Akhir kata, anggaplah apa yang baik itu datangnya daripada rahmat dan hidayat Allah SWT dan apa-apa kekurangan, jika ada, adalah atas kelemahan ciri penulis.

Salam hormat dari penulis.

ABDUL AZIZ HUSSIN



Suatu Tempat Bernama

Kaabah

1

Suatu Tempat Bernama Kaabah

PENGENALAN

Boleh dikatakan seluruh umat Islam, mengenali atau tahu apa yang dinamakan Kaabah. Dari segi ibadah kepada Allah SWT khususnya dalam melaksanakan rukun-rukun Islam, dua daripada lima rukun tersebut mempunyai kaitan dengan Kaabah. Dua¹ rukun tersebut ialah: Pertama, sembahyang lima waktu (dan juga sembahyang-sebahyang yang lain)² yang mewajibkan kita menghadap Kaabah dan kedua, menunaikan ibadat haji yang menjadikan satu rukunnya iaitu tawaf³ di sekeliling Kaabah. Oleh itu telah jelas kepada kita betapa pentingnya Kaabah dalam agama Islam.

¹ Tiga rukun lagi ialah : Mengucap dua kalimah Syahadah, Puasa pada bulan Ramadhan dan membayar Zakat. Tentang Lima Rukun Islam (atau disebut juga rukun Islam) ini, lihat perbincangan dalam H. A. Razak dan H. Rais Lathif, 1980. *Terjemahan hadith Sahih Muslim*, Edisi Pertama, Jakarta : Pustaka Al-Husna, hal, 37 - 42.

² Kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu maka kita tidak semestinya setiap masa menghadap Kiblat "Kaabah". Untuk perbincangan dalam hal ini, lihat. Muhammad 'Uthman Muhammad 1989, *Fath al-Mu'in*, Edisi Pertama, Kota Bharu: Dian Darul Nairn Sdn. Bhd. hal. 57. Tentang asas menghadap Kaabah dalam sembahyang, lihat surah *al-Baqarah*: 196.

³ *Tawaf* bermaksud mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh keliling yang cukup syaratnya.



Suatu Tempat Bernama
Kaabah

BUKTI PENTINGNYA KAABAH

Dalam al-Qur'anul Karim Allah SWT berfirman:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْنًا وَأَتَخِذُوا مِنْ مَقَامٍ
إِبْرَاهِيمَ مُصَلَّى وَعَهْدُنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهَرَا
بَيْتِي لِلطَّالِبِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكُعَ السُّجُودُ

١٢٥

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadah haji) dan tempat yang aman, dan jadikanlah oleh kamu Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail (dengan firman-Nya): "Bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah dan Masjidil Haram dan segala perkara yang dilarang) untuk orang bertawaf, dan orang yang berikhtikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang yang ruku' dan sujud."

(Surah al-Baqarah: 125)

Firman Allah SWT tersebut menunjukkan betapa pentingnya Kaabah bagi orang yang menunaikan ibadah sembahyang, haji dan umrah dan untuk orang yang ruku' dan sujud ketika mereka menunaikan pelbagai jenis sembahyang dan sujud-sujud sunat.⁴

Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah RA menjelaskan bahawa Kaabah adalah titik (pusat) bagi agama Islam. Selain itu, jika dilihat dari segi sejarah

⁴ Misalnya sujud tilawah dan sujud syukur.

pembinaannya, Kaabah juga merupakan salah satu tanda kewujudan Allah SWT dan kebesaran-Nya. Ia diperkuatkan lagi dengan firman Allah SWT pada permulaan ayat-ayat suci al-Qur'anul Karim dalam ayat 9 surah *Ali-Imran*.

Nabi Muhammad SAW juga pernah bersabda yang menguatkan bahawa Kaabah itu didirikan untuk menjadi salah satu tanda kebesaran Allah SWT.

Oleh sebab itu, perlulah ditekankan dalam aspek ini bahawa Kaabah itu dibina bukanlah untuk disembah seperti yang dilakukan oleh orang bukan Islam menyembah patung-patung berhala tetapi ia hanyalah sebagai tempat menghadapkan diri semasa berbuat ibadat kepada Allah SWT.⁵ Ini berdasarkan satu hadith yang mafhumnya seperti berikut:⁶

"Negara⁷ ini telah disucikan oleh Allah pada hari diwujudkan langit dan bumi. Ia disucikan Allah hingga hari kiamat."

Dari perspektif lain pula Kaabah merupakan tanda sejarah kewujudan dunia, tamadun manusia dan juga agama. Al-Qur'an ada menyebut "mengenai rumah tua itu"⁸ Ini kerana ada riwayat yang menyebut

⁵ Hujjah mengenainya oleh Prof. H. Mahmud Yunus, 1987, *Tafsir Qur'an Karim*, Kuala Lumpur; Pustaka Azhar, hal. 30 dan Prof. Dr. Hj. Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), 1965, *Tafsir al-Azhar* Juzuk IV, Jakarta: Yayasan Nur Islam, hlm. 24 dan Juzuk 17 hal. 192. Lihat juga surah *al-Baqarah*: Ayat 144 dan hujung surah *al-Hajj*: Ayat 26, di mana diriwayatkan Kaabah adalah tempat ibadat umat Islam terhadap Allah SWT.

⁶ Hadith riwayat Abdullah Ibn Abbas di mana Rasulullah SAW bersabda semasa hari pembukaan Kota Makkah.

⁷ Baginda merujuk kepada Makkah yang terdapatnya Kaabah itu, ia telah disucikan oleh Allah SWT pada hari diwujudkan langit dan bumi. Ia disucikan Allah SWT hinggalah Hari Kiamat.

⁸ Atau disebut Baitul Atiq - *al-Hajj*: Ayat 29 dan 31.



Suatu Tempat Bernama
Kaabah

bahawa Kaabah telah wujud sebelum Nabi Nuh AS.⁹ Allah SWT seterusnya berfirman:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِكَعَةً مُبَارَّكًا وَهَدَىٰ

١٦ لِلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk (tempat beribadat) manusia, ialah Baitullah yang di Bakkah¹⁰ (Makkah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi semua manusia."¹¹

(Surah Ali Imran: 96)

Mengikut hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, Kaabah dibuat dasarnya¹² oleh para malaikat sebelum kewujudan Nabi Adam AS lagi dan dasar Baitul Muqaddis dibuat empat puluh tahun kemudiannya. Kedua-dua nas di atas adalah sebagai bukti bahawa Kaabah juga merupakan tanda sejarah kewujudan manusia, tamadun manusia dan juga agama.

Kaabah juga menjadi suatu manifestasi tunggak kekuatan dan pengekalan agama Islam. Dalam Kitab *Tafsir al-Azhar*¹³, menyebutkan

⁹ HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, Juz. 17, *op. cit.*, hal. 198. Namun begitu menurut HAMKA riwayat ini tidak ada kesaksianya dari al-Qur'an.

¹⁰ Pada zaman dahulu Makkah disebut juga oleh setengah-setengah orang sebagai "Bakkah". Ptolemy menyebutnya sebagai "Macoraba" - Lihat. Helem Hemmingway Benton (Ed), 1978, *The New Encyclopedia Britanica*. Edisi Ke 15, Vol. II New York, hal. 753.

¹¹ Ibn Mundzir dan al-Azraqi meriwayatkan dari Ibn Juraij bahawa ayat ini diturunkan setelah Rasulullah SAW mendengar pertelungan antara orang Islam yang mengatakan Kaabah adalah lebih agung daripada Baitul Muqaddis sedangkan orang-orang Yahudi mengatakan sebaliknya.

¹² Dasar yang dimaksudkan di sini ialah tapak asasnya itu.

¹³ *Op. cit.*, hal. 198.

bahawa *Baitul Atiq* (Kaabah) itu juga ditafsir sebagai “rumah bebas” berdasarkan sebuah hadith¹⁴ yang menyebutkan bahawa Kaabah itu dinamakan “rumah bebas”.

Ini kerana tidak pernah seorang penakluk pun yang dapat menguasainya. Contoh yang diberikan oleh HAMKA ialah¹⁵ bahawa Alexander Macedonia tidak sempat sampai ke Makkah, Raja Buktinzar (Raja Babylon) juga tidak berani menakluki Makkah dan Abrahan iaitu seorang Raja Habsyah yang cuba menyerang dan merosakkan Kaabah juga gagal melakukannya.¹⁶ Dengan demikian Kaabah itu boleh dilihat sebagai manifestasi betapa kukuhnya agama Islam dipelihara oleh Allah SWT sebagaimana Dia memelihara Kaabah. Kekuahan serta pengekalan ini akan berterusan sehingga Allah SWT sendiri yang menghilangkannya.

Dari segi sosial pula, Kaabah menjadi tempat umat Islam berkumpul yang terdiri daripada berbilang bangsa, warna kulit, adat budaya, fahaman politik, kedudukan, darjah dan taraf kewangan. Mereka semuanya berkumpul di situ dalam keadaan sejahtera dan aman yang dijamin oleh Allah SWT firman-Nya:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْنًا ...

Maksudnya:

“Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul (berhimpun) bagi manusia dan tempat yang aman...”

(Surah al-Baqarah: 125)

¹⁴ Riwayat al-Tirmizi, lihat juga Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Razin dari ‘Aishah RA bahawa Nabi SAW bersabda bahawa sebarang bala tentera yang menyerang Kaabah akan dihapuskan.

¹⁵ *Op. cit.*

¹⁶ Surah al-Fill: 1-5.



Dan Allah SWT berfirman lagi:

فِيهِ أَيْتُ بَيْنَتُ مَقَامٍ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ أَمِنًا

Maksudnya:

"Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata (antaranya) Maqam Ibrahim; sesiapa memasukinya (Baitullah itu) menjadi amanlah dia..."

(Surah Ali Imran: 97)

Kedua-dua firman itu membuktikan betapa pentingnya Kaabah sebagai tempat yang sejahtera dan aman.

Kaabah juga sebenarnya pusat dunia. Ibn Yaqt dan Ibn Abbas bersepakat bahawa berdasarkan kajian kaedah, Allah SWT menjadikan bumi (dan cakerawala-cakerawala lain), tanah yang mula wujud di atas permukaan air ialah tanah tapak Kaabah (dan sekelilingnya), dan dengan demikian mereka berpendapat bahawa Kaabah adalah pusat bumi, penengah bumi dan ibu segala kampung. Profesor Dr. Muhammad Awad dalam karangannya bertajuk *Kaabah Pusat Dunia*¹⁷ telah menolak teori barat yang menyatakan bahawa garis bujur 0° adalah melalui Greenwich.¹⁸ Prof. Dr. Muhammad Awad mencadangkan garis bujur 0° dunia hendaklah melalui Kaabah. Ini disebabkan katanya, kedudukan Greenwich dalam kajian geografi barat adalah kerana pada masa itu ahli-ahli geografi England sahaja yang mahir dalam pelayaran.¹⁹ Namun begitu, bagi dunia Islam kajian

¹⁷ *Kaaba is the centre of Earth* - Prof. Dr. Muhammad Awad adalah seorang profesor dari Pakistan.

¹⁸ Greenwich adalah suatu tempat yang terletak lebih kurang 48 kilometer di Timur London. Berdasarkan nama tempat ini maka ahli-ahli sains geografi Barat menamakan Waktu Tara Greenwich (*Greenwich Mean Time*) sebagai 00.

¹⁹ Iaitu dalam abad ke 17 Masehi.

sedemikian tentulah tidak masuk akal kerana jika dikaji dari aspek permulaan peradaban dunia, asas agama-agama besar dunia misalnya Yahudi, Nasrani dan Majusi (iaitu sebelum Islam) dan kebudayan, ialah melalui Timur Tengah. Sejarawan Islam sepakat mengatakan bahawa kawasan mula terjadinya tanah di permukaan air adalah di Makkah.²⁰ Satu lagi hujjah bahawa Kaabah adalah pusat dunia ialah seperti berikut: Jika di langit, pusatnya ialah *Baitul Makmur*, maka jika sebiji batu jatuh dari *Baitul Makmur* maka tentu ia akan tepat jatuh di atas Kaabah. Ini kerana Kaabah yang dibina di bumi ini (iaitu di Makkah) didirikan menurut kaedah contoh Kaabah yang lain yang terletak di langit yang ketujuh bernama *Baitul Makmur* yang antara kedua-duanya itu letaknya bertentangan antara satu sama lain.²¹ Dengan demikian seolah-olah kedua-duanya dihubungkan dengan suatu paksi.

SEBAB DIPANGGIL KAABAH

Perkataan Kaabah adalah daripada perkataan Arab, *Kaab*, yang bermaksud empat persegi. Ini disebabkan bentuk Kaabah itu adalah sebuah artikulasi iaitu hampir sebuah kotak empat persegi.²² Selain orang Arab, orang daripada rumpun Melayu dan Inggeris²³ juga memanggilnya "Kaabah". Misalnya sebuah hadith sahih²⁴ menyebut Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

²⁰ Contohnya *Ka'ab al-Akhbar*, Ibn Yaqut, Ibn Abbas dan Mujahid.

²¹ HAMKA, *Tafsir al-Azhar* Juz. 1, 2 dan 3, op. cit., hal. 304. Lihat juga al-Allamah Najmuddin al-Ghaithy, *Kisah Isra' dan Mi'raj*. (Edisi Bahasa Malaysia oleh Mohamad Said), 1975, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, hal. 25.

²² Abbas Abdullah Fida, 1402H, *The Comprehensive Islamic Book*, Mekah: al-Haramein Trade Centre, hal. 51.

²³ Contohnya, lihat E.Van Donzel, B.Lewis dan Ch.Pellat (Ed), 1978, *The Encyclopaedia of Islam*, New Edition, Leiden, Belanda: E.J. Brill hal. 316 dan *The New Encyclopaedia Britannica*, hal. 753.

²⁴ Hadith dari Aishah r.a. Lihat H.A.Razak dan H. Rais Lathief, *Terjemahan Hadith Sahih Muslim*, op. cit.



Dari Aisyah RA katanya: Bahawa Rasulullah SAW berkata kepadanya, "apakah kamu tidak mengetahui, ketika kaummu (Quraish) memperbaiki Kaabah, mereka telah mengurangi/mengecilkan dasar bangunannya daripada dasar Nabi Ibrahim." "Mengapa tuan tidak mengembalikannya seperti semula pada asas Nabi Ibrahim" (kata Aisyah); Rasulullah SAW bersabda: "Jika bukan kerana kaummu baru saja meninggalkan agama kafir, nescaya saya telah lakukan."

Kaabah juga kadangkala di sebut "rumah". Dalam sebuah hadith Qudsi,²⁵ Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

"Sesiapa yang menziarahi rumah-Ku,²⁶ atau Masjid Rasulullah SAW, ataupun di Baitul Muqaddis, lalu ia mati, maka ia dianggap mati syahid."

Begini juga di dalam ayat yang lain, Allah SWT telah berfirman:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْنًا ...

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami menjadikan Rumah itu²⁷ tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman..."

(Surah al-Baqarah: 125)

Kaabah juga dikenali sebagai Baitullah,²⁸ atau rumah Allah. Dalam hal ini Allah SWT juga menfirmankan dengan menggunakan nama

²⁵ Hadith riwayat Dailami dari Anas bin Malik r.a. di mana Nabi Muhammad SAW telah bersabda mengenainya.

²⁶ Iaitu Kaabah (dan Masjidil Haram).

²⁷ Iaitu Kaabah. Lihat juga hujung surah al-Hajj: Ayat 26 di mana Allah SWT menggunakan perkataan "Rumah-Ku".

²⁸ Nama ini lebih lengkap daripada "rumah" sahaja kerana ia dikaitkan terus dengan Allah SWT.

Baitullah apabila merujuk kepada Kaabah. Allah SWT berfirman:

فِيهِءَيْتُمْ بِلَّنَتْ مَقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ، كَانَءَامِنًا
وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَيِّلًا
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

١٧

Maksudnya:

"Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata, antaranya Maqam Ibrahim, sesiapa memasukinya²⁹ menjadi amanlah dia; mengerjakan haji adalah kewajipan manusia kepada Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Sesiapa mengingkari (kewajipan haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."

(Surah Ali-Imran: 97)

Di dalam surah-surah Ali-Imran ayat 96 dan al-Hajj ayat 26 Allah SWT menggunakan perkataan Baitullah.³⁰ Begitu juga di dalam surah al-Baqarah ayat 127, Allah SWT menggunakan perkataan Baitullah dalam firman-Nya:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) asas-asas (tapak) Baitullah berserta Ismail..."

(Surah al-Baqarah: 127)

²⁹ Iaitu memasuki Baitullah.

³⁰ Op. cit.



Perbincangan ulama-ulama Islam dalam kitab-kitab mereka³¹ juga banyak menggunakan perkataan *Baitullah* bagi merujuk kepada Kaabah. Kadangkala Kaabah juga dinamakan *Baitul Atiq*.³² Allah SWT sendiri ada merujuk perkataan ini dalam firman-Nya:

٦٩...وَلَيَطْوُفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya:

“...dan hendaklah mereka melakukan tawaf akan *Baitullah* (*Kaabah*) yang tua sejarahnya itu.”

(Surah *al-Hajj*: 29)

Ia di namakan juga “Rumah Tua” kerana sejarah kewujudannya sebagai Rumah untuk beribadat kepada Allah SWT yang tertua sekali, pernah didirikan oleh manusia.³³ Sehubungan itu juga perkataan “Rumah Pertama” kadangkala digunakan bagi merujuk kepada Kaabah. Walau bagaimanapun, dalam menggunakan perkataan “Rumah Pertama”, itu hendaklah difaham sebagai “Rumah Pertama” untuk manusia gunakan sebagai tempat menghadap diri kepada Allah SWT. Ini berdasarkan surah *Ali-Imran* ayat 96.³⁴

Ada pula orang menyebut Kaabah itu sebagai “Baitul Haram”. Sebenarnya kedua-duanya mempunyai sedikit perbezaan. Ini disebabkan “Baitul Haram” adalah tempat dibangunkan bangunan Kaabah (yakni asas atau bahagian tapak Kaabah), dan bangunan di atasnya adalah bangunan Kaabah. Dengan demikian “Baitul Haram” adalah sebahagian daripada Kaabah. Dalam aspek ini, adalah sesuai

³¹ Contohnya, lihat Hj. A. Halim al-Hadi, 1949 (1367H), Sulaiman Press hal. 61; HAMKA, *Tafsir al-Azhar* Juz, IV, *op. cit.*

³² Yang bermaksud “Bangunan (Rumah) Tua (Lama)”.

³³ Selain jin Islam dan Malaikat.

³⁴ *Op. cit.*

jika digunakan perkataan “Baitullah al-Haram” bagi merujuk kepada Kaabah kerana ia mencakupi keseluruhan tempat didirikan Kaabah dan bagunan Kaabah itu sendiri.³⁵

KAABAH SEBAGAI TEMPAT PERMULAAN PERKEMBANGAN KOTA MAKKAH

Dari sudut kedudukan tempat, Kaabah terletak di tengah-tengah Masjid al-Haram. Masjid al-Haram itu pula terletak hampir di tengah-tengah Bandaraya Makkah. Makkah itu sendiri terletak di suatu dataran 909 kaki (277 meter) dari paras laut, di suatu kawasan yang disebut Wadi Ibrahim.³⁶ Bandaraya Makkah terletak hampir di tengah-tengah di antara banjaran bukit-bukit tinggi di sekelilingnya, seperti berikut.³⁷

Di timurnya terdapat kemuncak Jabal³⁸ Ajyad setinggi 1332 kaki (406 meter) dan Jabal Qubais setinggi 1220 kaki (372 meter);

Di baratnya terdapat Jabal Quaiqan setinggi 1404 kaki (427 meter);

Di timur laut terdapat Jabal Hira' setinggi 2080 kaki (634 meter);

Di selatan Bandaraya Makkah terdapat Jabal Thur setinggi 2490 kaki (759 meter) dari paras laut.

³⁵ Perkara ini pernah dibincangkan di dalam akhbar *Saudi Gazette*, 2 Jun 1992 (Selasa), hal. 15.

³⁶ *The New Encyclopaedia Britanica*, Edisi XV, op. cit, hal. 754. *Wadi* bererti lembah yang ada air.

³⁷ *Op. cit.*, hal. 754.

³⁸ *Jabal* ertinya bukit.



Ia adalah suatu kawasan berbatu-batan dan berpasir gersang. Pada permulaannya, iaitu sebelum Nabi Ibrahim AS singgah bersama anaknya Nabi Ismail AS dan isterinya Siti Hajar, tempat itu tidak ada orang tinggal. Daripada riwayat Ibn Abbas, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

"Allah merahmati ibu Ismail, dan sehingga dia menggali tanah mendapatkan air, dan air zamzam begitu segar diperolehi dan dia meminumnya seraya menyusui anaknya. Jibril memberitahunya supaya jangan gusar atau perit, kerana akan wujud Rumah Allah, dan ia akan dibina oleh Ismail dan bapanya, dan Allah tidak akan menyesatkan mereka."

Allah SWT juga berfirman:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ ...

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami memberikan tempat kepada Ibrahim di Baitullah..."

(Surah al-Hajj: 26)

Apabila telah ditemui air (iaitu perigi atau telaga zamzam), maka Makkah mula dikunjungi orang.³⁹ Dan seterusnya tempat itu berkembang menjadi sebuah perkampungan. Perkembangan ini turut diceritakan oleh Rasulullah SAW di dalam sabdanya yang bermaksud:

³⁹ Menurut suatu cerita, sekumpulan kabilah (kelompok pengembara) Jurhum melalui tempat itu, mereka terlihat seekor burung datang dan pergi ke satu tempat, dan mereka tahu burung itu mencari air. Lalu mereka menghantar dua orang ke tempat itu mencari air lalu terjumpa Nabi Ismail AS dan Siti Hajar berada berhampiran suatu tempat yang ada air (perigi zam zam). Kabilah tersebut terus meminta kebenaran Siti Hajar untuk singgah di situ - lihat Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 80.

"Mereka mendapati ibu Ismail cukup ramah, jadi mereka turut membawa ahli-ahli keluarga untuk tinggal bersama-sama mereka di situ..."⁴⁰

Dan Allah SWT berfirman:⁴¹

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ ...

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia..."

(Surah al-Baqarah: 125)

Tempat itu terus berkembang di mana pada tahun 1970an, lebih kurang 300,000 penduduk tinggal di situ,⁴² dan kini didiami jutaan penduduk.⁴³ Dari segi perkembangan pembinaan bangunan juga, amat nyata begitu pesat. Ia bermula dari tiada bangunan, kepada sebuah khemah kecil yang menempatkan keluarga Nabi Ismail AS, kepada suatu perkhemahan sebuah kabilah Arab dan terus berkembang pembinaan rumah-rumah kediaman dan gedung-gedung perniagaan. Dalam tahun 1959 terdapat lebih kurang 2,300 gedung-gedung perniagaan dan pada tahun-tahun 1970an, terdapat lebih kurang 7,000 gedung perniagaan dan 40,000 buah rumah.⁴⁴ Keluasan kawasan Kota Makkah yang didiami penduduk pada tahun-tahun 1970an ialah 10 batu persegi (26 kilometer persegi), dan

⁴⁰ Hadith riwayat Ibn Abbas.

⁴¹ Ayat ini diturunkan kepada orang yang berkumpul untuk mengerjakan haji, dan boleh juga bermaksud kepada cerita perkumpulan pertama manusia di situ.

⁴² *The New Encyclopaedia Britanica*, Vol. II, *op. cit.*, hal. 754.

⁴³ Kawasan Bandaraya Makkah hanya untuk orang Islam sahaja dan orang bukan Islam tidak boleh memasukinya. Terdapat beberapa notis yang memberitahu hal ini yang dipamerkan di beberapa jalan menuju ke Kota Makkah.

⁴⁴ *Op. cit.*, hal. 754.



masih terus berkembang dengan penempatan-penempatan baru di sekelilingnya.

Sejajar sebagai tempat berkumpul mengerjakan haji,⁴⁵ maka tempat itu juga terus berkembang sebagai tempat ibadat. Dalam tahun 1946 sahaja, seramai lebih kurang 61,000 jemaah haji luar datang untuk mengerjakan haji manakala tahun 1972, lebih kurang 480,000 jemaah haji luar.⁴⁶ Jumlah jemaah haji selama 60 tahun iaitu dari tahun 1345H hingga 1405H adalah mencapai 18 juta orang.⁴⁷ Perkembangan ini tidaklah menakjubkan sangat jika di bandingkan dengan sejarah jemaah haji pada tahun 10H. Pada tahun tersebut Nabi Muhammad SAW memimpin seramai lebih kurang 90,000 jemaah dari Madinah mengerjakan haji.⁴⁸


Pada tahun-tahun 1990an ini, lebih kurang 2 juta jemaah mengerjakan haji setiap tahun, dan kita pasti jemaah ini akan bertambah dari tahun ke tahun. Jumlah yang disebutkan di atas belum lagi mengambil kira orang yang mengerjakan umrah pada setiap tahun.

⁴⁵ Surah *al-Baqarah* : 125, *op. cit.* Lihat juga, HAMKA, *Tafsir al-Azhar Juz. I op. cit.*, hal. 295. Lihat surah *Ali Imran*: 96.

⁴⁶ *Op. cit.*, hal. 714.

⁴⁷ *Akhbar Saudi Gazette* 1 Jun 1992 (30 Zulkaedah 1412).

⁴⁸ Haji tersebut di gelar Haji Wida' (Haji Selamat Tinggal) (kerana selepas mengerjakan haji ini, Baginda SAW telah sakit dan wafat)



- | | |
|------------------|-------------------------------|
| A. Mimbar | H. Penjuru Yamani |
| B. Perigi Zamzam | I. Penjuru Hajarul Aswad |
| C. Hijir Ismail | J. Multazam |
| D. Maqam Ibrahim | K. Hajarul Aswad |
| E. Penjuru Iraqi | L. Syatharwan |
| F. Pancuran Emas | M. Garisan (Mula/Tamat Tawaf) |
| G. Penjuru Syam | N. Pintu Kaabah |



Suatu Tempat Bernama

Kaabah

2

Kaabah

PENGENALAN

Nabi Muhammad SAW berusaha dan mengharapkan agar Kaabah dijadikan asas kiblat bagi menghadap diri dan beribadat kepada Allah SWT. Baginda SAW bersungguh-sungguh ingin menjadikan Kaabah sebagai tempat menghadap sembahyang (menyembah Allah) SWT. Setelah 16 bulan sembahyang menghadap Baitul Muqaddis maka Allah SWT telah menurunkan wahyu kepada Nabi-Nya dengan firman:¹

قَدْ نَرَى تَقْلُبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّنَّكَ قِبْلَةً
تَرْضَهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطَرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَهَيْثُ

¹ Nabi SAW sering berdoa melihat ke langit memohon wahyu memerintahkannya menghadap ke arah Baitullah (Kaabah) - lihat *Al-Qur'an dan Terjemahannya*, Departmen Agama Republik Indonesia, Jakarta: 1974 (1394H), hal. 37, dan Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA), 1965, *Tafsir al-Azbar*; Juz. IV, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, hal. 13, di mana beliau memetik hadith riwayat Ibn Majah dari al-Barakhwa bahawa setiap kali hendak menunaikan sembahyang Nabi Muhammad SAW menghadap muka ke langit yang di ketahui oleh Allah SWT bahawa Baginda SAW amat rindu jika kiblat itu di alihkan ke Kaabah.



مَا كُنْتُمْ فَوْلُوا وُجُوهَكُمْ شَطَرَهُ ...

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami (sering) melihat mukamu menengadah ke langit maka sungguh Kami akan memalingkan kamu ke Kiblat yang kamu suka (ingini) sebab itu palingkanlah mukamu ke arab Masjidil Haram. Dan dimana sahaja kamu berada palingkanlah mukamu ke arahnya..."

(Surah al-Baqarah: 144)

Dengan turunnya wahyu ini, maka Nabi Muhammad SAW bersama para sahabat yang sedang sembahyang zohor di sebuah masjid di Madinah² segera berpaling daripada menghadap Masjidil Aqsa ke Masjidil Haram setelah dua rakaat sembahyang.³

UKURAN KAABAH

Seperti yang telah dinyatakan Kaabah berbentuk empat persegi. Disebabkan bentuk sedemikian ia dipanggil "Kaabah." Mengikut pengukuran yang pernah dibuat,⁴ ukuran Kaabah yang ada pada masa ini⁵ adalah seperti berikut:

² Masjid itu asalnya bernama Masjid Bani Salamat dan kerana peristiwa itu maka ia dinamakan Masjid Qiblatain (bermaksud Masjid Dua Kiblat). Untuk cerita lebih lengkap mengenai masjid ini, lihat artikel bertajuk, *Perkembangan Masjid Qiblatain dalam akhbar Saudi Gazette*, Rabu 3 Jun 1992 (2 Zulhijjah 1412), hal. 13.

³ Untuk cerita lebih mendalam, lihat *Syarah Sahih al-Bukhari*, Bahasa Melayu 1949, Ustaz Haji Ab. Halim al-Hadi, Pulau Pinang; Sulaiman Press, hal. 61. Kejadian itu berlaku pada 15 Rejab Tahun kedua Hijrah.

⁴ Abbas Abdullah Fida 1402, *The Comprehensive Islamic Book*, Makkah: al-Haramein Trade Centre, hal. 92. Ada juga pengukuran yang dibuat oleh Muhamad al-Azraqi. *Akhbar Makkah*, 1965 Makkah: Dar al-Thiqafah (tetapi menggunakan ukuran depan dan hast).

⁵ Perkataan "pada masa ini" diguna kerana dalam sejarah pembinaannya, yang dibincangkan selepas ini, ukuran Kaabah tidak seperti pada masa ini.

Tinggi Kaabah ialah 15 meter (50 kaki).

Lebar bahagian Barat ialah 11.93 meter (39.6 kaki).

Lebar bahagian Rukun Syam ialah 10.32 meter (34.5 kaki).

Lebar bahagian Timur⁶ ialah 11.58 meter (38.6 kaki).

Tinggi bangunan Kaabah dari aras bumi (tanah) ialah 2 meter (6.7 kaki).

ASAL KAABAH

Tidak banyak yang diketahui tentang asal usul tempat wujudnya Kaabah. Seorang ulama, iaitu Ibn Yaqut⁷ telah memberi tafsirannya mengenai hal ini, dengan katanya, yang bermaksud:

"Apabila takhta berada di atas air, sebelum diwujudkan syurga, Allah SWT telah meniupkan angin menghembus air, dan kemudian muncullah suatu bentuk seperti sebuah kubah, yang menjadi tempat letaknya Rumah (Kaabah). Kemudian Allah SWT menyambungkan bumi di bawahnya dan melekatkannya dengan gunung-ganang. Kepada kita, suatu yang Allah SWT mula wujudkan dari bumi ialah tempat Kaabah."

Mengikut pendapat Muhammad al-Azraqi⁸ ketika Nabi Adam AS tiba di bumi, keadaan bumi pada masa itu masih suci daripada dosa dan jenayah dan Allah SWT menjadikan suatu tempat di Makkah sebagai tempat malaikat seperti juga di syurga, di mana mereka (para malaikat itu) menyembah Allah SWT setiap masa.

⁶ Di bahagian yang terdapatnya pintu Kaabah dan Multazam.

⁷ Lihat Abbas Abdullah Fida, *The Comprehensive Islamic Book*, op. cit., yang merujuk pendapat tersebut dan bersetuju dengan pendapat atau tafsir tersebut.

⁸ Op. cit. Muhammad al-Azraqi.



Setelah Nabi Adam AS diperintah oleh Allah SWT beribadah kepada-Nya membangunkan Kaabah itu, maka barulah Kaabah menjadi tempat ibadat yang mula-mula dibangunkan untuk manusia⁹. Cerita yang sama juga dicatatkan oleh Abu Al-Waleed al-Azraqi dalam kitabnya bertajuk *Kitab Tiang Tanda-Tiang Tanda*¹⁰ yang bermaksud:

"Saya diberitahu bahawa 'Umar al-Khattab berkata kepada Ka'ab: Wahai Ka'ab: Allah mengutuskan kerundum melengkung kepada Adam dan berfirman: "Ya Adam, ini adalah rumah-Ku, dan denganmu Aku mengutuskannya, tawaflah di sekelilingnya seperti apa yang berlaku pada keliling takhta-Ku, dan sembahyanglah kelilingnya seperti apa yang dilakukan pada keliling takhta-Ku..."

PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN KAABAH

Menurut Abbas Abdullah Fida¹¹ dan Syeikh Fadhlalla Haeri¹² yang memetik pendapat ahli sejarah Islam.¹³ Kaabah telah dibina (dan dibina semula) sebanyak sebelas kali, tidak termasuk pembaikan-pembaikan kecil. Pembinaan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pembinaan oleh Malaikat,
2. Pembinaan oleh Nabi Adam AS,

⁹ Surah Ali-Imran: 96. Lihat juga ulasan HAMKA, *Tafsir al-Azhar* juzuk IV, hal. 24 dan huraian dalam akhbar *Saudi Gazette* bertarikh 1 Jun 1992 (Isnin) (30 Zulkaedah 1412) mengenai hal yang sama. Walaupun disebutkan bahawa Kaabah itu menjadi tempat yang mula-mula dibangunkan untuk manusia, tetapi jika dilihat kepada surah al-Dhariyat: 56, Allah SWT mencipta jin dan manusia untuk menyembah-Nya, maka nampaknya Kaabah adalah juga untuk Jin (Islam) beribadat (selain Malaikat) - lihat M. Ali Chason Umar *Lautan Pahala*, 1979 (1399H), Semarang: CV Toha Putra, hal. 32.

¹⁰ *Op. cit.* Abbas Abdullah Fida, hal. 83.

¹¹ Ibid. Abbas Abdullah Fida, hal. 83.

¹² Fadhlalla Haeri, *The Pilgrimage Of Islam*, 1992, Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd. hal. 135.

¹³ Termasuk pendapat Muhammad al-Azraqi, *Akhbar Makkah*.

3. Pembinaan oleh Nabi Nuh AS,
4. Pembinaan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail AS,
5. Pembinaan oleh suku Amalik,
6. Pembinaan oleh suku Jurhum,
7. Pembinaan oleh Qusai Ibn Qilab.

PEMBINAAN OLEH MALAIKAT

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim menyatakan bahawa tapak Kaabah itu dibuat oleh malaikat sebelum Nabi Adam AS dijadikan.

Ali ibn Hussain¹⁴ pula berkata bahawa Allah SWT meletakkan rumah¹⁵ itu di atas empat tiang zabarjad di bawah takhta. Dia menutupnya dengan suatu kerundum merah dan kemudiannya memerintahkan malaikat-malaikat meninggalkan takhta dan tawaf di sekeliling rumah itu. Dalam konteks ini, Amaluddin¹⁶ Darus mengatakan bahawa Allah SWT telah memerintahkan Nabi Adam AS mengerjakan Haji. Adam AS pun berangkat ke Baitullah. Adam AS tiba di bumi, malaikat memberitahu Adam AS bahawa beliau bukanlah orang¹⁷ yang pertama diperintahkan mengerjakan haji bahkan ibadat tersebut telah dilakukan sejak 2000 tahun yang lalu.

Satu lagi bukti Malaikat telah membina Kaabah, ialah sepertimana yang diceritakan oleh Abu al-Waleed al-Azraqi¹⁸ bahawa Ka'ab telah menceritakan kepada Umar al-Khattab bahawa apabila Adam AS

¹⁴ Lihat Abbas Abdullah Fida, *op. cit.* hal. 42.

¹⁵ Yakni Kaabah.

¹⁶ Amaluddin Darus, Berkenalan Dengan al-Qur'an, 1987, Petaling Jaya: Syarikat Abad, hal. 74.

¹⁷ Maksud "orang" di sini bukanlah manusia tetapi Malaikat, kerana kita tahu manusia pertama dijadikan ialah Nabi Adam AS.

¹⁸ Abu Al-Waleed Al-Azraqi dalam kitabnya, *Kitab Tiang Tanda-Tiang Tanda*, *op., cit.*



diturunkan ke dunia, malaikat-malaikat juga turut turun bersama-sama. Malaikat-malaikat itu telah meletakkan batu asas Kaabah dengan batu-bata dan kemudian Kaabah itu pun ditegakkan.

PEMBINAAN OLEH NABI ADAM AS

Seorang ulama, iaitu Taqi al-Din Muhammad al-Fasi¹⁹ mencatatkan bahawa al-Baihaqi menyatakan bahawa Abdullah Ibn Amar Ibn al-As memberitahu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

"Allah SWT mengutuskan Jibril kepada Adam dan Hawa dan memberitahu mereka supaya membuat sebuah Rumah (membina Kaabah). Kemudiannya Jibril menunjukkan tempat kepada mereka dan Adam mula menggalinya dan Hawa pula membawa (mengangkut) pasir debu sehingga muncul bukan air. Kemudian Adam diminta keluar dari tempat yang digali itu kerana ia telah mencukupi. Apabila Adam membina Kaabah, Allah telah memberitahunya supaya tawaf. Dia diberitahu dia adalah orang yang pertama dan Rumah itu adalah Rumah pertama."

Begitu juga diceritakan oleh Ibn Abbas bahawa Allah SWT telah memerintahkan Adam AS membina sebuah rumah untukNya (membina Kaabah) dan melakukan tawaf serta bermunajat (berseru) kepada Allah SWT. Seterusnya diceritakan bahawa apabila Nabi Adam AS tiba di Makkah dan akan mula membina Rumah Suci itu, Malaikat Jibril telah memukul bumi dengan sayapnya dan suatu tempat keras menjelma di suatu kawasan tanah rendah. Di tempat itulah Adam AS mula membina bangunan Kaabah. Para malaikat

¹⁹ Taqi al-Din Muhammad al-Fasi, 1956, *Syifa' al-Gharm bi Akhbar al- Balad al-Haram*, Makkah: Maktabah al-Nahdah al-Hadith.

²⁰ Mengikut cerita itu, batu-bata itu amat besar sehinggakan jika 30 orang cuba mengangkatnya pun masih tidak mampu.

membantunya dengan membawa batu-bata besar.²⁰ Batu-bata besar itu diambil dan gunung-gunung di Lebanon, Torzita, Tur Sina, al-Judi dan Hura. Binaan itu dibuat sehingga tingginya sama aras dengan permukaan bumi.²¹

Menurut Ibn Abbas lagi, selepas Nabi Adam AS siap membina asas Kaabah itu, dia terus sembahyang dan tawaf. Ibadat ini dilakukan berterusan sehingalah beliau wafat. Menurut Muhammad al-Azraqi,²² kerja-kerja pembinaan seterusnya dilakukan oleh anak Adam AS²³ dengan menggunakan lumpur dan batu. Walau bagaimanapun, rumah tersebut musnah disebabkan oleh banjir besar pada zaman Nabi Nuh AS.

PEMBINAAN OLEH NABI NUH AS

Tidak banyak yang diketahui tentang pembinaan Kaabah oleh Nabi Nuh AS kerana riwayat mengenainya terlalu sedikit dan tidak ada bukti dalam kitab suci al-Qur'an.²⁴

Abu al-Faraq,²⁵ memetik percakapan Urwah Ibn al-Zubair yang berkata: "Aku telah diberitahu bahawa rumah itu (Kaabah) telah disediakan untuk Adam tawaf. Kemudian Nuh AS telah berhijrah ke situ dan memperbesarkannya sebelum banjir besar itu."

Mengenai banjir besar itu, Ibn Abbas menceritakan bahawa bahtera Nabi Nuh AS terapung-apung selama seratus lima puluh hari, dan

²¹ Seperti yang mula dibincangkan, *op. cit.*, pembinaan Kaabah dimulakan dengan menggali kawasan sekelilingnya.

²² *Op. cit.*

²³ Jika dirujuk dalam al-Qur'an surah *al-Mâ'idah*: Ayat 27-30, maka anak Nabi Adam AS yang membina Kaabah itu (semasa menolong Adam AS membina Kaabah) tentulah Habil, kerana dia yang sentiasa berbuat perkara-perkara baik.

²⁴ Lihat HAMKA, *Tafsir al-Azhar op. cit.*, Juzuk 17, hal. 198.

²⁵ Di dalam kitabnya *Muthir al-Gharam al-Salam* - lihat Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 87.



bahtera itu menuju ke Kaabah dan berputar-putar di kawasan Kaabah selama empat puluh hari. Akhirnya bahtera itu singgah di kaki bukit Judi.

Riwayat lain juga ada menyebut bahawa Kaabah telah runtuh semasa banjir besar Nabi Nuh AS itu.²⁶

PEMBINAAN OLEH NABI IBRAHIM AS DAN NABI ISMAIL AS

Pembinaan Kaabah yang ada disebutkan dalam al-Qur'an ialah pembinaan oleh Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS²⁷. Pembinaan oleh Baginda AS berdua adalah setelah mereka mendapat perintah daripada Allah SWT. Perintah itu diterima semasa Nabi Ismail AS telah dewasa²⁸ dan telah beristeri.

Apabila Nabi Ibrahim AS mendapat perintah tersebut daripada Allah SWT maka dia segera beredara dari tempat tinggal di Armenta menuju ke Makkah setelah mendapat kebenaran isterinya Sarah. Beliau tiba di Makkah dan melihat Nabi Ismail AS yang sedang membaiki panahnya, berada di sisi perigi zam zam. Setelah Nabi Ibrahim AS memberitahu hal itu, Nabi Ismail AS terus menyetujuinya.

Malaikat Jibril memberitahu mereka bahawa tapak asas letaknya Kaabah adalah berhampiran khemah yang dibina oleh Siti Hajar. Namun, maklumat itu tidaklah lengkap untuk membolehkan mereka berdua mengenal pasti kadar garisan sempadan tapak asas Kaabah itu. Dengan demikian Allah SWT telah menjelaskan hal itu kepada mereka, firman Allah SWT:²⁹

²⁶ *Op. cit.*, hal. 198.

²⁷ Lih. surah *al-Baqarah*: 125 dan 127; *Ali-Imran*: 96-97 dan *al-Haj*: 78.

²⁸ Prof. Dr. Harun Din dan lain-lain 1988, *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd. hal. 125.

²⁹ Surah *al-Haj*: 26.

وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ ...

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami memberikan tempat³⁰ kepada Ibrahim tempat Baitullah..."

(Surah al-Hajj: 26)

Menurut satu riwayat,³¹ Allah SWT memberi tanda tempat letak Kaabah dengan menunjukkan segumpal awan yang bayangnya berada di had garisan tapak Kaabah. Awan itulah yang memudahkan Nabi Ibrahim AS mengenalpasti tapak Kaabah dan kemudiannya meninggikan tempat itu lebih kurang dua meter dari paras bumi, dan awan itu kemudiannya hilang.

Dalam riwayat yang lain pula,³² dikatakan bahawa Allah SWT memperjelaskan tempat letak Kaabah dengan mendatangkan angin bernama *al-Kajauj* yang mengibas-ngibas di sekeliling kawasan tapak Kaabah dan akhirnya tapak atas Kaabah itu pun dapat dilihat. Seterusnya Nabi Ibrahim AS dan Ismail AS menggali tempat itu dan meletakkan tapak atas Kaabah dan menaikkan bangunan Kaabah.³³

Nabi Ibrahim AS menyusun batu-bata manakala Nabi Ismail AS mencari dan menghulurkan batu-bata seraya berdoa:

³⁰ Perkataan *Bawwa' - naa* (*Kami memberikan tempat*) bererti Allah SWT memperjelaskan kepada Nabi Ibrahim AS garis sempadan atau kedudukan Baitullah (Kaabah) itu - lihat. ulasan akhbar *Saudi Gazette* (Isnin, 1 Jun 1992/30 Zulkaedah 1412).

³¹ Muhammad al-Azraqi, *op. cit.* 7, dan pendapat Wahab Ibn Munabbih.

³² Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 75. Menurut riwayat Ibn Ishak pisau yang dibawa oleh Nabi Ibrahim bergerak seperti seekor ular yang menunjukkan tapak atas Kaabah.

³³ *Al-Baqarah*: 127, di bahagian awal ayat. Muhammad Ibn Ishak meriwayatkan bahawa mereka menemui tulang-tulang manusia dan batu-batu yang amat besar semasa menggali tapak atas Kaabah.



رَبَّنَا نَقْبَلُ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

(۱۷)

Maksudnya:

"Ya Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah: 127)

Menurut Prof. Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah,³⁴ Kaabah yang didirikan oleh Nabi Ibrahim AS itu sebenarnya menurut contoh Kaabah yang terletak di langit ketujuh yang bernama Baitul Makmur, yang bersetentangan dengan Kaabah yang berada di Makkah al-Mukarramah itu.

Kaabah yang dibina oleh Nabi Ibrahim AS bersama-sama anaknya Nabi Ismail AS itu menggunakan batu-bata yang kukuh dan tahan lama.³⁵ Batu-bata itu disusun bertindan-tindan tanpa dialaskan dengan lumpur. Batu-bata itu diambil dari Bukit Hura'a³⁶ bagi binaan tapak atas Kaabah dan dari bukit-bukit Tur Sina, Tor Zita,³⁷ Lebanon dan al-Judi. Batu-bata itu di bawa ke tempat pembinaan Kaabah dengan bantuan para malaikat.³⁸

Semasa membina Kaabah, Nabi Ibrahim AS juga turut menggali sebuah pergi sedalam lebih kurang tiga hasta (satu meter) pada pintu masuk Kaabah untuk memasukkan hadiah yang diberi orang untuk Kaabah.³⁹

³⁴ *Op. cit.*, Juzuk 1, 2, 3, hal. 304.

³⁵ Muhammad al-Ghazali, *Fiqh al-Sirah*, 1986, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hal. 137.

³⁶ Sebuah bukit terletak di timur Makkah.

³⁷ Bukit-bukit Tur Sina dan Tur Zita terletak di Palestin.

³⁸ *Op. cit.*, hal. 30.

³⁹ Muhammad al-Azraqi, *op. cit.*

Kaabah yang dibina oleh Nabi Ibrahim AS dan Ismail AS tidak berbumbung dan tidak berpintu (yakni tiada daun pintu). Satu lubang pada dinding Kaabah sebelah Barat dijadikan pintu besarnya. Nabi Ibrahim AS dan Ismail AS telah memasukkan debu pada bahagian dalam Kaabah.⁴⁰

Menurut Ibn Jarir al-Tabari,⁴¹ setelah Nabi Ibrahim AS selesai membina Kaabah, baginda terus berdoa kepada Allah SWT yang bermaksud:

"Ya Tuhanaku, telah aku laksanakan apa yang telah Engkau perintahkan. Sekarang aku bermohon, pertunjukkanlah kepada kami, bagaimana caranya ibadat-ibadat kami."

Dengan doa itu, maka Allah SWT mengutuskan Malaikat Jibril kepada Nabi Ibrahim AS supaya ditunjukkan cara mengerjakan ibadat haji.⁴²

Menurut satu hadith,⁴³ jarak masa pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim AS dengan pembinaan Baitul Maqdis ialah empat puluh tahun lamanya (iaitu dahulu Kaabah daripada Baitul Maqdis).

⁴⁰ Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 50 dan 52. Beliau mengambil riwayat dari Muhammad Ibn Ishak.

⁴¹ Dari kitabnya *Tafsir al-Tabari* (Tahun 838 - 922 Masehi) yang memetik dari Tabiin, Said bin Musayyab, yang diterimanya dari Saiyidina Ali bin Abu Talib - lihat riwayat dari Ibn Khuzaimah dan al-Tabrani dan al-Hakim dan diakui sahihnya dan al-Baihaqi dalam *Sya 'bul Iman*, semuanya dari Ibn Abbas. Ada juga riwayat lain dari Ahmad dan al-Baihaqi dan Ibn Abu Hatim - lihat HAMKA, *Tafsir al-Azhar*, juzuk 1,2,3, *op. cit.*, hal. 301.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Abu Dzar.



PEMBINAAN OLEH SUKU KAUM AMALIK

Selaras pembinaan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS, Kaabah terus berdiri tegak untuk jangka masa yang agak panjang. Namun hakikat alam bahawa sesuatu itu lama kelamaan akan rosak juga. Itulah juga yang terjadi kepada bangunan Kaabah. Bangunan itu lama kelamaan telah rosak dan perlu dibaiki atau dibina semula.

Pada suatu masa banjir besar telah melanda di sekitar Makkah. Air mengalir dengan lajunya menyebabkan kawasan Kaabah turut ditenggelami air yang mengalir dari segenap pelusuk bukit di sekeliling⁴⁴ kawasan Kaabah itu. Akibat daripadanya, dinding-dinding Kaabah telah pecah dan runtuh.⁴⁵

Salah satu suku kaum yang telah berusaha membina semula Kaabah selepas kejadian banjir itu ialah kaum Amalik.⁴⁶ Kaum Amalik telah membina semula Kaabah sama seperti binaan Kaabah yang dibangunkan oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS.⁴⁷

PEMBINAAN OLEH SUKU KAUM JURHUM

Apabila suku kaum Jurhum⁴⁸ menguasai keseluruhan Makkah Kaabah juga terletak di bawah penguasaan dan penjagaan mereka. Pada masa Kaabah dibawah jagaan mereka, Kaabah telah rosak.⁴⁹

⁴⁴ Kaabah terletak di suatu kawasan rendah yang di kelilingi bukit-bukit.

⁴⁵ Syeikh Fadhlalla Haeri, *op. cit.*, hal. 21.

⁴⁶ Kaum Amalik berasal dari keturunan Nabi Nuh AS - lihat Cyril Glasse, 1989, *The Concise Encyclopaedia Of Islam*, London: Stacey International, hal. 214.

⁴⁷ *Op. cit.*.

⁴⁸ Kaum Jurhum berasal dari Yaman. Salah seorang ketuanya bernama Mudad. Beliau berketurunan daripada bapa mertua Nabi Ismail AS bernama Mudad Ibn Amru. Kaum Jurhum menguasai Makkah selama lebih 1,000 tahun - untuk cerita lanjut mengenai kaum Jurhum, lihat Syeikh Fadhlalla Haeri, *op. cit.*, hal. 20-23.

⁴⁹ Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada kerrosakan ini akibat perperangan antara kaum Jurhum dengan kaum Qaturah (yang sebelumnya menguasai lembah di mana letaknya Kaabah), ataupun tidak.

Oleh yang demikian kaum Jurhum telah membaiki semula Kaabah.

Pembinaan Kaabah oleh kaum Jurhum ini masih belum dilengkapkan dengan bumbung. Oleh yang demikian bahagian atas Kaabah masih lagi terbuka.⁵⁰

PEMBINAAN OLEH QUSAI IBN QILAB

Lebih kurang 200 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW seorang bayi lelaki yang diberi nama Zaid,⁵¹ telah lahir. Beliau kemudian dipanggil Qusai, yang bererti “budak yang tidak dikenali.” Bapa Qusai ialah Qilab. Apabila dewasa, Qusai menjadi begitu berpengaruh dan kuat. Beliau kemudiannya menguasai Makkah (dan Kaabah).⁵²

Disebabkan usia Kaabah yang begitu lama sekali lagi Kaabah mengalami kerosakan pada zaman Qusai Ibn Qilab. Qusai Ibn Qilab telah membaiki semula Kaabah. Bumbung Kaabah juga telah dibuat. Tinggi Kaabah yang dibina oleh Qusai ini ialah lebih kurang 4.5 meter.⁵³ Dikatakan⁵⁴ juga bahawa pada keempat-empat penjuru Kaabah itu telah diletakkan patung yang besar untuk disembah⁵⁵ dan patung-patung kecil yang berjumlah 365 buah.

⁵⁰ Terdapat kejadian semasa pemerintahan Jurhum ini, di mana sekumpulan lima orang belia Jurhum telah memanjang Kaabah melalui ruang atas untuk mencuri harta khazanah di dalamnya. Malangnya salah seorang daripada mereka terbunuh akibat jatuh dan empat lagi lari bertempiaran - *op. cit.*

⁵¹ Zaid ialah moyang kelima Nabi Muhammad SAW dari salasilah berikut: Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hashim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Qilab - dari keturunan Nabi Ismail.

⁵² *Op. cit.*, hal. 29.

⁵³ Muhammad al-Azraqi, *op. cit.*

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Patung-patung itu ialah Hubal, al-Lata, Mana'ta, dan al-Uzza. Patung-patung ini diperkenalkan oleh Amru Ibn Lahii, seorang ketua suku kaum Khuza'ah.



PEMBINAAN OLEH KAUM (BANI) QURAISY

Mengikut al-Zuhri⁵⁶ seorang sejarawan, ketika Nabi Muhammad SAW berumur dalam lingkungan 35 tahun, iaitu sekitar tahun 605M (18 tahun sebelum Hijrah),⁵⁷ Kiswah Kaabah telah terbakar. Kebakaran itu menyebabkan dinding Kaabah retak dan rosak. Oleh yang demikian, kaum Quraisy telah mengadakan perbincangan sesama mereka dan mengambil keputusan membina semula Kaabah dengan cara meruntuhkan dahulu dinding-dinding Kaabah yang rosak itu. Sebelum mengambil keputusan meruntuhkan dinding-dinding Kaabah itu, kaum Quraisy diselubungi kebimbangan turunnya bala atas tindakan yang akan mereka ambil itu. Al-Walid Ibn al-Mughairah telah bertanya kepada kaum Quraisy.⁵⁸ “Adakah kamu sedar sama ada kamu ingin meruntuhkannya bagi tujuan pemberbaikan atau untuk merosakannya?” Kaum Quraisy menjawab, “Kami ingin membaikinya.” Al-Walid berkata, “Tuhan tidak akan menghukum orang yang membaikinya.” Seterusnya al-Walid berjalan menuju ke dinding Kaabah membawa sebilah kapak dan berdoa, “*Allahumma, kami tidak melakukan apa-apa kecuali membaikinya.*” Ini diikuti oleh orang Quraisy yang mula meruntuhkan dinding Kaabah.

Bagi membangunkan semula Kaabah, orang Quraisy telah mengupah seorang arkitek bernama Baqum al-Rumi.⁵⁹

Dinding Kaabah dibina dengan menggunakan lapisan kayu dan batu silih bertindih.⁶⁰ Bekalan kayu diperoleh dari sebuah kapal Greek yang rosak dan tidak dapat dibaiki di pelabuhan Syuhaibibi.⁶¹

⁵⁶ Syeikh Fadhlalla Haeiri, *op. cit.*, hal. 135. Lihat juga Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 89.

⁵⁷ Syeikh Fadhlalla Haeri, *ibid*: Cyril Glasse, *op. cit.*, hal. 214.

⁵⁸ Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 67.

⁵⁹ Syeikh Fadhlalla Haeri, *op. cit.*, hal. 136: Cyril Glasse, *op. cit.*, hal. 214.

⁶⁰ Abbas Abdullah Fida, *op. cit.*, hal. 138; Syeikh Fadhlalla Haeri, *op. cit.* hal. 136; Cyril Glasse, *op. cit.*, hal. 214.

⁶¹ Tempat itu letaknya berhampiran pelabuhan Jeddah kini.

Dinding Kaabah yang dibuat oleh kaum Quraisy ini tingginya 18 hasta.⁶² Mereka juga membuat bumbung Kaabah.⁶³

Pintu Kaabah pula dibina tinggi dari aras bumi bagi mengelakkan pencuri masuk mencuri khazanah yang disimpan di dalam Kaabah. Bahagian dasar Kaabah itu (di bahagian dalamnya) telah diisikan dengan batu-batu yang disamakan dengan paras pintu itu. Di bahagian dalam Kaabah enam tiang telah didirikan untuk menyokong dinding dan bumbung Kaabah. Tiang-tiang itu dibuat dalam dua barisan yang mengandungi tiga tiang bagi setiap barisan.⁶⁴

Walaupun kaum Quraisy membina dinding Kaabah berbentuk empat persegi yang agak tinggi, tetapi disebabkan masalah perbelanjaan, mereka tidak dapat memasukkan kawasan Hijir Ismail ke dalam bangunan Kaabah sebaliknya membiarkan kawasan ini di luar dinding bangunan Kaabah. Untuk mengekalkan kawasan Hijir Ismail ini sebagai kawasan di dalam Kaabah, kaum Quraisy telah membina tembok separuh melengkung yang rendah⁶⁵ di sekelilingnya. Perkara ini ada juga diceritakan di dalam sebuah hadith, yang bermaksud:⁶⁶

"Dari Ibn Syihab dari Salim bin Abdullah bin Muhammad bin Abu Bakar memberitahu kepada Abdullah bin Umar dari Aisyah RA iaitu isteri Nabi SAW bahawasanya Rasulullah SAW bersabda kepadanya:

⁶² Op. cit.

⁶³ Namun begitu, dipercayai orang yang mula-mula membuat bumbung Kaabah ialah Qusai Ibn Qilab - lihat Abbas Abdulllah Fida, op. cit., hal. 89. Bumbung itu dibina bagi mengelakkan pencuri masuk mencuri 'khazanah yang disimpan dalam Kaabah.

⁶⁴ Abbas Abdulllah Fida, op. cit., hal 89.

⁶⁵ Perbincangan mengenai hal ini akan dibuat di bawah tajuk "Hijir Ismail."

⁶⁶ Lihat H.A. Razak dan H. Rais Latheif, 1980, *Terjemahan Hadith Sahih Muslim*. Jil. 1,2 & 3, Jakarta, penerbit Pustaka al-Husna him. 157 01d.2); Muhammad al-Ghazali, 1986, *Fiqah al-Sirah*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hal. 141.

Ingin membaca dengan lebih lanjut ?

Dapatkan naskhah tersebut di:

Bahagian Penerbitan Jakim,

Aras 1, Blok D9, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62519, W.P Putrajaya

No Tel: 03-8886 4575